

30 NOV 97

TNB-Poem

DR MAHATHIR LANCAR KENDERAAN ELEKTRIK PERTAMA ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Kenderaan elektrik pertama yang dikeluarkan Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (Poem), yang ditunjangi Tenaga Nasional Berhad (TNB), akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kampus Universiti Tenaga Nasional di Bangi esok.

Pengerusi Eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata Dr Mahathir juga akan mengumumkan nama bagi kereta jenis "buggy" itu.

"Yang membanggakan ialah kita telah mampu menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan bagi keluaran pertama itu, yang dijayakan dalam masa enam bulan sahaja... dan ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga TNB di sini, hari ini.

Beliau berkata keluaran pertama yang disiapkan ialah 10 buah, yang akan dihantar ke Langkawi bagi menyertai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97.

Katanya, pelancaran oleh Dr Mahathir esok juga akan menandakan bermulanya pengeluaran secara besar-besaran kenderaan Poem itu, yang dijangkakan sebanyak 500 buah pada peringkat permulaan.

Ahmad Tajuddin berkata kenderaan itu, yang bukan untuk kegunaan di jalan raya, telah mendapat tempahan atau pernyataan hasrat untuk membelinya oleh Malaysia Airports Berhad, Penerbangan Malaysia, Sukom Ninety Eight Berhad dan beberapa resort percutian di Langkawi.

"Keluaran pertama ini untuk kegunaan di kawasan persendirian sahaja... tapi kita juga kini dalam proses untuk menyiapkan sejenis kenderaan lagi (yang juga menggunakan kuasa elektrik) yang diharap dapat digunakan di jalan raya," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut kecuali berkata beberapa model kenderaan itu akan dipamerkan buat pertama kali kepada orang ramai esok.

Mengenai komponen tempatan itu, beliau berkata Poem mendapatkannya daripada pengeluar tempatan yang sedia ada dan diubahsuai bagi kegunaannya.

Poem yang dipengerusikan Ahmad Tajuddin, merupakan syarikat usahasama yang ditubuhkan dengan TNB dan Fraser Nash dari Britain masing-masing memegang 40 dan 30 peratus ekuiti dan selebihnya oleh Composite Automotive Research (Car), Musteq Industries dan pengerusi syarikat kumpulan FIMA Tan Sri Basir Ismail. -- BERNAMA

MNY AKD